



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SIARAN MEDIA

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) BIL. 2/2025: PEMATUHAN PEROLEHAN KAEDAH TENDER TERBUKA PRA- KELAYAKAN TERPILIH (TTPKT) DI KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) menyambut baik akan teguran dan syor Jabatan Audit Negara (JAN) daripada dapatan pengauditan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Bil. 2/2025 dan sentiasa komited untuk membuat penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan Tender Terbuka Pra-Kelayakan Terpilih (TTPKT). KKDW juga komited terhadap sebarang usaha untuk menambah baik **Prosedur Operasi Standard (SOP)** dan garis panduan berkaitan TTPKT.

Dalam pelaksanaan TTPKT, KKDW telah melaksanakannya berdasarkan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan (MoF). Kaedah ini merupakan pelaksanaan rintis yang diperkenalkan untuk menyegerakan pelaksanaan projek prasarana yang bermanfaat kepada rakyat. Semestinya, sebagai kaedah rintis yang baharu, ia tidak lari daripada kesalahan atau kesilapan. Selain itu, KKDW telah mengadaptasi amalan terbaik daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia sebagai Jabatan Teknikal utama.

KKDW akur bahawa terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu dibuat berdasarkan dapatan pengauditan yang dijalankan. Namun begitu, kementerian berpandangan bahawa dapatan pengauditan tersebut tidak menjurus kepada sebarang implikasi kewangan atau kerugian kepada kerajaan.

KKDW mengalu-alukan dan bersetuju dengan syor Ketua Audit Negara sekiranya kerajaan memilih untuk meneruskan kaedah TTPKT ini, penambahbaikan bagi menangani kelemahan sedia ada perlu dibuat.

KKDW akan terus memastikan setiap perolehan bagi tujuan pembangunan luar bandar dilaksanakan dengan penuh akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan kewangan awam dan berdasarkan tadbir urus terbaik.

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
24 Julai 2025